PENCAPAIAN 2019

JABATAN PERDANA MENTERI (AGAMA)

MENUJU
NEGARA RAHMAH

FALSAFAH PENTADBIRAN KERAJAAN

"Falsafah pentadbiran Pakatan Harapan adalah berdasarkan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, visi dan misi yang telah dibawa oleh para pejuang negara terdahulu, agenda reformasi dan idea-idea pembangunan yang progresif serta demokratik, sesuai dengan realiti zaman moden bagi mendepani cabaran pada masa akan datang.

Matlamat ini bersendikan MAQASID SYARIAH bagi memacu program pembangunan negara yang akhirnya membawa RAHMAT DAN KEADILAN untuk seluruh rakyat Malaysia."

Sumber
Muka surat 9 Buku Harapan

MENUJU NEGARA RAHMAH

۞ وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ
ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ هُوَ أَنشَأَكُم
مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَٱسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَٱسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ
تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّى قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

Dan kepada kaum Tsamud (Kami utuskan) kepada mereka saudara mereka Nabi Allah Saleh A.S. Nabi Saleh berkata kepada mereka:

"Wahai kaumku, sembahlah Allah, tiada bagimu Tuhan selain Dia. Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu orang yang memakmurkannya, oleh itu mohonlah keampunanNya, dan kemudian bertaubatlah kepadaNya, Sesungguhnya Tuhanku amat dekat (rahmahNya) lagi memperkenankan (doa hambaNya)"

(Surah Hud : 61)

DEFINISI NEGARA RAHMAH

Sesebuah negara yang bermaruah, tadbir urus yang baik, mengamalkan prinsip hukum, masyarakatnya berpandukan kepada ajaran Al-Quran dan Sunnah bagi mewujudkan kesejahteraan dan kedamaian.

TERAS NEGARA RAHMAH

1 RAHMATAN LIL 'ALAMIN

Islam sebagai rahmat bagi sekalian alam, membawa keamanan, kemakmuran dalam masyarakat.

2 MAQASID SYARIAH

Pentadbiran berasaskan Maqasid Syariah yang menekankan aspek penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

3 MODEL MALAYSIA

Tampil dengan Model Malaysia yang sesuai dengan keadaan (waqi'), adat dan budaya bangsa Malaysia tanpa meninggalkan asas-asas Islam.

- 3 TERAS
- 7 KLUSTER
- 17 SDG - INTEGRATED VALUES
- 5 PRINSIP MAQASID SYARIAH

KEPUTUSAN MESYUARAT MKI KALI KE-65 MENGENAI PELAKSANAAN GAGASAN NEGARA RAHMAH, 13 JUN 2019

Maqasid Syariah yang merupakan pemacu nilai Rahmatan Lil 'Alamin dijadikan sebagai elemen teras dalam dasar tadbir urus negara merentas pelbagai bidangdan agensi serta diintegrasikan bersama Agenda 2030 *Sustainable Development Goals*, yang dikenali sebagai *MaqSD Goals*.

Pengukuran Impak (*Impact Measurement*) terhadap pelaksanaan Gagasan Negara Rahmah yang merangkumi nilai Rahmatan Lil 'Alamin dan Maqasid Syariah dilaksanakan dari aspek tadbir urus pelbagai bidang bagi menilai impak dan keberkesanannya.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menjadi agensi pelaksana dan penyelaras dalam menggerakkan Gagasan Negara Rahmah dengan kerjasama strategik kerajaan negeri merangkumi agensi di peringkat persekutuan dan negeri.

Program-program penjelasan nilai Rahmatan Lil 'Alamin dan Maqasid Syariah yang menjadi tonggak Gagasan Negara Rahmah dilaksanakan oleh semua agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri.

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) ke 65 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Mac 2019 bersetuju Pelaksanaan Gagasan Negara Rahmah Dalam Pentadbiran Negara berpaksikan nilai Rahmatan Lil 'Alamin

MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA KE-254, 4 JULAI 2019

Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 pada 4 Julai 2019 bersetuju menimbang dan memperkenankan cadangan Pelaksanaan Gagasan Negara Rahmah Dalam Pentadbiran Negara berpaksikan nilai Rahmatan Lil 'Alamin sebagaimana yang diputuskan dalam Mesyuarat MKI ke 65.

25 Okt 2019

Jemaah Menteri lulus dasar Rahmatan Lil 'Alamin pada 25 Oktober 2019

AGENSI-AGENSI DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI (AGAMA)

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)
- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- TV Al-Hijrah
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
- Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JAPENS WP)
- Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)
- Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan
- Tabung Haji

7 KLUSTER

DAKWAH DAN MEDIA
HALAL / TABUNG HAJI
MAQASID DAN PENYELIDIKAN
2
4
6
1
3
5
7
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
PENDIDIKAN / MODAL INSAN
MASJID
SOSIO-EKONOMI

PENCAPAIAN 2019 MENGIKUT KLUSTER

KLUSTER
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JAPENSWP)
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

- Mewujudkan Mahkamah Syariah Hadhanah dan Nafkah yang bermula pada September 2019 bagi mempercepatkan tempoh penyelesaian kes dari 14 bulan kepada 6 bulan.
- Statistik setakat 11 Disember 2019

BULAN	JUMLAH KES DAFTAR	JUMLAH KES SELESAI	BAKI BELUM SELESAI	PERATUS KES SELESAI (%)
SEPTEMBER	31	23	8	74%
OKTOBER	21	18	3	86%
NOVEMBER	29	14	15	48%
TOTAL	81	55	26	68%

- RUU Guaman Syarie diluluskan Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 dan Dewan Negara 31 Julai 2019.
- Menyelaraskan dan menyeragamkan Garis Panduan Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Syariah.
- Menyelaraskan Pentadbiran dan Perundangan Jenayah Syariah di Malaysia.
- Meningkatkan Kesedaran dan Kefahaman Terhadap Produk-produk Perundangan dan Kehakiman.
- JKSM dijemput melakukan kursus intensif di Maahad 'Aliy Lil Qada'-sebuah institut kehakiman tertinggi yang dipertanggungjawabkan untuk melatih badan kehakiman di Arab Saudi.
- Penyelarasan dan Penyeragaman Garis Panduan Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Syariah.
- Penyelarasan Pentadbiran dan Perundangan Jenayah Syariah di Malaysia.

KLUSTER DAKWAH DAN MEDIA

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP)
TV AlHijrah

Multaqa Ulama Asia Tenggara 2019 anjuran YADIM bertujuan mengumpulkan ulama di Asia Tenggara dan berbincang mengenai isu-isu umat Islam di rantau ini.

TV AlHijrah memenangi *The BrandLaureate World Halal Prominent Brands Awards 2019. The BrandLaureate World Halal Leadership Awards 2019, Asia Halal Brand Awards 2019.*

- Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa dijemput ke program BBC Hardtalk.

- TV Alhijrah juga menerima Anugerah *Malaysia Kind Hearts Award 2019.*

- TV AlHijrah memenangi *The BrandLaureate World Halal Prominent Brands Awards 2019, The BrandLaureate World Halal Leadership Awards 2019, Asia Halal Brand Awards 2019.*

- TV AlHijrah menduduki tangga kesembilan saluran TV Melayu.

- Mewujudkan saluran Youtube HBIT bagi menyokong aspirasi kerajaan membawa gagasan RAHMAH.

- Program Ramadan Tanpa Pembaziran anjuran IKIM iaitu kempen kepada masyarakat agar tidak melakukan pembaziran terutamanya makanan pada bulan Ramadan.

- IKIM menerima Anugerah Media Halal Meembar dalam kategori Media Penyiaran Radio melalui terbitan rancangan Bicara Halal IKIM.

- IKIM menerima Anugerah Buku Umum terbaik (kategori Pendidikan Islam)
- IKIM melancarkan TV Web TVIKIM dengan capaian hit 1 juta sebulan.

- Karnival Rahmah 2019 anjuran JAKIM dengan kerjasama JAWI bagi merakyatkan gagasan Rahmatan Lil Alamin.

- Multaqa Ulama Asia Tenggara 2019 anjuran YADIM bertujuan mengumpulkan ulama di Asia Tenggara dan berbincang mengenai isu-isu umat Islam di rantau ini.

- Mewujudkan Skuad Al Rahmah yang bertujuan merancang, melaksana dan menyelaras program-program dakwah Bil-Hal melalui pendekatan kesukarelawanan untuk menyebarluas dan memasyarakatkan dakwah.

- Mewujudkan bahagian Daie Rahmah yang merancang dan menyelaras Daie di Sabah dan Sarawak termasuk Orang Asli di Semenanjung.

Karnival Rahmah 2019 anjuran JAKIM dengan kerjasama JAWI bagi merakyatkan gagasan Rahmatan Lil Alamin.

- Menghasilkan Karya Dakwah (Artikal/ Poster/ Penulisan/ Video) Untuk Disebar Luas kepada Masyarakat.

- Mempromosi Agenda RAHMAH dalam Program Dakwah dan Penyiaran RadioTV di IKIM dan TV Alhijrah.

- Mewujudkan Duta Rahmah. Duta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang bagi menyebarluaskan lagi konsep RAHMAH kepada masyarakat.

- Mengadakan Forum RAHMAH bersama tokoh Maal Hijrah Shaykh Abdallah Shaykh Al-Mahfoudh Bayyah.

- Melancarkan 10 siri buku Konsep Rahmatan Lil Alamin bagi memberi pemahaman kepada masyarakat tentang konsep ini.

KLUSTER
PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

- Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa diundang menyampaikan syarahan mengenai *Compassionate* Islam di Beijing Foreign Studies University dan Cambridge Judge Business School.

- Mewujudkan program My Insaniah satu modul untuk melatih kepimpinan pelajar di sekolah-sekolah bermula umur 15 hingga 17 tahun.

- Menganjurkan Konvensyen Pondok Moden Model Malaysia bagi membincangkan tentang hala tuju institusi pondok di negara ini.

- Melancarkan tafsir al-Quran Braille dan Bahasa Mandarin selaras dengan gagasan RAHMAH yang meraikan setiap insan untuk mempelajari al-Quran.

- Menubuhkan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) yang bertujuan memantapkan Institusi Keluarga, Sosial dan Komuniti dengan pelbagai program bersama masyarakat.

- Mengadakan *Town Hall* di 10 IPT di seluruh negara bagi memberi penerangan tentang gagasan Negara RAHMAH.
- Mengadakan 14 siri *Town Hall* dan Dialog di pelbagai peringkat di setiap negeri di seluruh negara.
- Mengadakan Sembilan *engagements* bersama kementerian/jabatan/agensi.
- Mengadakan majlis makan malam bersama wakil negara-negara OIC bagi memberi pendedahan tentang konsep Rahmatan Lil Alamin.
- Mengadakan pertemuan bersama Duta-duta EU untuk beri penjelasan tentang *Compassionate Islam*.
- Menyerahkan peruntukan sebanyak RM75 juta kepada sekolah pondok berdaftar dan institusi tahfiz.
- Memberi peruntukan khas sebanyak RM2.6 juta untuk Tabung Kebajikan Guru Kafa

- Menubuhkan Task Force untuk mengkaji dan menyemak serta mencadangkan semula tanggungjawab guru dan penyelia KAFA bersama Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

- Task Force ini telah bersetuju supaya guru dan penyelia KAFA diberikan latihan yang intensif dan penggunaan premis mengajar yang bersesuaian.

- Tempoh pembelajaran juga distrukturkan semula dengan lanjutan pembelajaran daripada 3 hari kepada 5 hari dengan hasrat pembentukkan nilai dalam diri murid.

- Turut dicadangkan supaya Memorandum of Understanding dimeterai bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi Kerajaan yang lain sebagai rakan strategik melaksanakan kelas KAFA.

- Sebanyak 33,200 guru KAFA dinaikkan elaun sebanyak RM100.00 menjadi RM1,000.00 dengan pertambahan guru seramai 1,800.00 menjadi 35,000 orang.

Town Hall **dan dialog di 10 buah IPTA dan 14 siri di seluruh negara bagi memberi penerangan tentang gagasan Negara RAHMAH.**

Mengadakan pertemuan bersama Duta-duta EU untuk beri penjelasan tentang *Compassionate Islam.*

KLUSTER
SOSIO-EKONOMI

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)
Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)
Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR)

Perasmian Inspirasi Malaysia (YaPEIM)

"Instrumen waqaf perlu menjadi tumpuan dalam arus perdana untuk memberi nafas baharu supaya dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi".

- YB Hajjah Fuziah Salleh

"The rejuvenation of waqf should be given adequate focus to elevate and being a passage towards the development of socio-economic empowerment".

- YB Hajjah Fuziah Salleh

- Mewujudkan asnafperneur bagi membantu para asnaf meningkatkan taraf kehidupan mereka dengan melakukan perniagaan.

- Menambahbaik program pengagihan zakat antaranya dengan memperkenalkan Skim Bantuan Khas Kanak-Kanak OKU.

- Mengadakan program Kembara Rahmah Zakat Wilayah Persekutuan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

- Kolaborasi Strategi Lautan Biru Seminar Wakaf: Muzakarah Wakaf Antarabangsa.
- Program perkasa komuniti YAPIEM - Inspirasi CQ-Mas Celik al-Quran Masyarkat setempat.

- Dana inspirasi Malaysia (YaPEIM).

- Program inspirasi Ramadan YaPEIM.

- Menyerahkan aset wakaf daripada Yayasan Waqaf Malaysia kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor.

- Foodbank kepada individu yang memerlukan. Foodbank disediakan di masjid di Wilayah Persekutuan dan IPT yang telah dikenalpasti.

- Menyerahkan bantuan zakat khas kepada 54,331 asnaf di Wilayah Persekutuan berjumlah RM33.2 juta.

- Memberikan Nafas Baharu Kepada Instrumen Waqaf.

- Memulakan kajian penggubalan Rang Undang-undang Wakaf.

- Menggerakkan inisiatif Universiti Wakaf, Hospital Wakaf dan Tabung Wakaf Pendidikan Malaysia.

- Mencetuskan penubuhan Task Force Dasar Sosio-ekonomi RAHMAH.

- Menjalankan kerjasama antarabangsa bersama IACAD (Islamic Affairs & Charitable Activities Department Dubai) dan Islamic Development Bank (IsDB).

KLUSTER
PENGURUSAN HAJI DAN PENSIJILAN HALAL

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Lembaga Tabung Haji (*TH*)

Malaysia Sebagai Peneraju Halal Global.

- Kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji semakin kukuh dengan kedudukan jumlah aset terkini melebihi RM2.3 billion berbanding sebelum ini.

- Pendapatan ini dijana daripada pelaburan aset berpendapatan tetap, pelaburan hartanah, pelaburan ekuiti dan Instrumen pasaran kewangan Islam.

- Malaysia Sebagai Peneraju Halal Global.

- Kerjasama Strategik Serantau Dan Antarabangsa.

- Mewujudkan hubunga kerjasama di peringkat antarabangsa bersama ESMA (Emirates Authority for Standardization & Metrology).

Makkah Route

KLUSTER
PENGURUSAN MASJID

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
TV AlHijrah

Tuanku Mizan Zainal Abidin Mosque Putrajaya

- Mewujudkan Masjid RAHMAH. Masjid yang berkonsepkan Ramah, Aman, Harmoni, Mesra, Alami dan Hormat.
- Melaksanakan Program Rakan Masjid Hospital.
- Menyediakan Platform Ekonomi dan Keusahawanan bagi Ahli Kariah.
- Meningkatkan Pelaksanaan Masjid Hijau dengan melantik Masjid Jamek Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur sebagai masjid Alami.
- Mengadakan Masjid Wilayah Persekutuan Open Day 2019. Satu program yang meraikan seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan agama

KLUSTER
MAQASID DAN PENYELIDIKAN

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP)

Dasar Rahmatan Lil 'Alamin *bersifat universal, inklusif, telus, menyantuni untuk melahirkan masyarakat dan kehidupan lebih harmoni serta sejahtera dalam kalangan rakyat pelbagai agama, bangsa di negara ini.*

Maqasid Syariah *turut dijadikan sebagai teras dalam pembentukan dasar pentadbiran yang bercirikan Pentadbiran Islam Model Malaysia yang sesuai dengan suasana, adat dan budaya bangsa Malaysia untuk dijadikan penanda aras global.*

- Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, 25 Oktober 2019

- Pembinaan Fiqh Ta'amul sebagai Kerangka Hubungan Antara Penganut Agama di Malaysia.
- Membina satu kerangka yang komprehensif tentang fiqh ta'amul sebagai garis panduan/SOP dalam hubungan antara penganut agama di Malaysia.
- Mengenalpasti strategi dan pendekatan yang sesuai untuk membina rasa hormat dan usaha menangani ketegangan dalam hubungan antara penganut agama di Malaysia.
- Kajian Dan Penyelidikan Yang Komprehensif Berasaskan Maqasid Syariah.
- Mengupayakan Pembudayaan Dan Pengaplikasian Nilai-nilai Dinamik Maqasid Syariah Dalam Tadbir Urus Negara.
- Membangun Dan Menggubal Pelan Induk Ekonomi Islam & Dasar Sosioekonomi Ummah 2020-2050.
- Menjalankan kajian Dan Penyelidikan Yang Komprehensif Berasaskan Maqasid Syariah.
- Mengadakan 10 engagement bersama kementerian dan agensi.
- Mengadakan town hall Rahmatan Lil Alamin dan Maqasid Syariah di 10 buah negeri dan 5 kementerian.
- Bahagian Maqasid mengadakan 11 sesi penjelasan mengenai gagasan Rahmatan Lil Alamin di pelbagai peringkat antaranya di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Lembaga Zakat Kedah dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Menerbitkan 12 bahan penerbitan berkaitan Rahmatan Lil Alamin dan Maqasid.

Diterbitkan oleh:

Media Rahmah, Tingkat 9 Blok A, Kompleks Islam Putrajaya,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, Presint 3, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8870 7000 Faks: 03-8870 7061